



## **KOD ETIKA AMALAN AKADEMIK UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

Diluluskan oleh:

Mesyuarat Senat kali ke-106, Bil. 6/2014

Pada 21 Mei 2014

## **KOD ETIKA AMALAN AKADEMIK UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

### **1.0    OBJEKTIF**

Kod Etika Amalan Akademik ini bertujuan untuk melindungi kelestarian pengendalian aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti oleh staf akademik universiti daripada anasir-anasir negatif yang boleh menganggu gugat objektif penyampaian ilmu di UMP. Kewujudan dasar ini membolehkan universiti terus menerajui pembangunan modal insan yang cemerlang rohaninya dan menyumbang ke arah penerokaan ilmu menerusi pengajaran & pengajaran (P&P).

### **2.0    SKOP**

Polisi ini terpakai kepada semua staf akademik yang dilantik oleh Universiti

### **3.0    TAKRIF**

Dalam dasar ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki maksud sebaliknya :

**“Pegawai Akademik”** bermaksud seseorang yang dilantik menjadi pengajar di Universiti termasuklah Profesor Kanan, Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan, Felo Perunding, Pensyarah, Jurutera Pengajar, Guru Bahasa dan Tutor.

**“Staf Sokongan”** bermaksud seseorang yang dilantik di Universiti menjadi Pegawai Tadbir, Penolong Pegawai Tadbir, Pegawai Sains, Penolong Jurutera Pengajar, Pembantu Makmal dan Juruteknik yang membantu kepada proses P&P.

**“Etika”** bermaksud nilai-nilai murni yang ditetapkan sebagai pegangan diri bagi melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan betul dan berkesan. Dalam takrifan lain, ia merujuk kepada norma tingkah laku yang mampu membezakan antara amalan yang boleh diterima dengan amalan yang tidak boleh diterima dalam proses pengajaran, pembelajaran dan penyeliaan yang boleh menjaskan reputasi organisasi dan kerja.

## **4.0 KANDUNGAN**

UMP melalui pembentukan Nilai Teras dan Objektif UMP berhasrat untuk melahirkan modal insan dan warganya agar berbudaya kerja cemerlang. Justeru, Dasar ini juga akan menjadi sebagai panduan kepada staf akademik dalam mengawal perilaku agar sentiasa berhemah dengan meletakkan nilai-nilai murni dan integriti di tempat tertinggi.

Universiti/Fakulti/Pusat/Institut berperanan dan bertanggungjawab untuk melaksanakan perkara-perkara berikut:

- 4.1 Memastikan Pegawai Akademik menyampaikan ilmu pengetahuan sepenuhnya melalui proses pengajaran dan pembelajaran mengikut Rancangan Pengajaran seperti yang diluluskan.
- 4.2 Memastikan tanggungjawab dalam proses Pengajaran & Pembelajaran sentiasa menjadi keutamaan.
- 4.3 Memastikan beban pengajaran Pegawai Akademik diagihkan secara adil dan munasabah berasaskan Garis Panduan yang ditetapkan oleh universiti.
- 4.4 Memastikan aktiviti pengajaran & pembelajaran yang melibatkan urusan penyediaan tugas oleh pelajar di bilik kuliah, makmal, bengkel dan sebagainya dibantu secara berhemah tanpa melibatkan unsur-unsur yang boleh dianggap sebagai rasuah oleh Pegawai Akademik, staf sokongan dan pelajar.
- 4.5 Memastikan penilaian akademik pelajar dalam mata pelajaran dibuat secara *credible* dan saksama tanpa unsur-unsur diskriminasi, perkauman atau apa-apa niat yang bertentangan dengan nilai-nilai murni dan moral.
- 4.6 Memastikan bahawa Pegawai Akademik yang mempunyai perhubungan peribadi/kekeluargaan antara satu sama lain tidak dibenarkan untuk menganggotai Jawatankuasa Pemilihan Pelajar/ Penyeliaan pelajar dan apa-apa jawatankuasa yang boleh difikirkan akan menimbulkan *conflict of interest*.
- 4.7 Memastikan hubungan antara Pegawai Akademik dan pelajar dijalankan secara beretika dan profesional.
- 4.8 Memastikan bahawa penyelia dan pelajar pasca siswazah mengadakan perbincangan dengan berkala supaya perancangan dan

ekspektasi penyelidikan dapat diselaraskan dan dipersetujui bersama.

- 4.9 Memastikan bahawa penyelia menerbitkan hasil penyelidikan pelajar di bawah seliaannya secara bersama.
- 4.10 Membendung gejala plagiarisma, fabrikasi data, manipulasi data dan pemalsuan data di kalangan pegawai akademik, felo penyelidik, pegawai penyelidik dan pelajar.
- 4.11 Pegawai Akademik perlu meletakkan integriti di tempat tertinggi dan mematuhi Akta Rahsia Rasmi 1972 dalam menguruskan perkara-perkara berkaitan dengan soalan peperiksaan.

## **5.0 AM**

- a) UMP berhak untuk mengubah Kod Etika ini dari masa ke semasa.
- b) Pelaksanaan Kod Etika ini juga akan tertakluk kepada Garis Panduan yang berkaitan.
- c) Sebarang pelanggaran terhadap kod dan peraturan oleh mana-mana pihak akan dikenakan tindakan berdasarkan kepada pelanggaran mengikut undang-undang yang berkaitan.
- d) Fakulti berhak menentukan kaedah atau peraturan selagi tidak bercanggah dengan dasar ini.

## **RUJUKAN**

### Buku

1. Perlembagaan UMP
2. Statut UMP

### Lain-Lain

1. Dasar Perkembangan Profesional Ahli Akademik, UTM
2. Dasar Pengajaran & Pembelajaran, UPM